



PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2021

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI TUJUAN PEMINDAHAN KREDIT
MELALUI APEL (C) DAN MAKLUMAT JAWATANKUASA APEL (C) DI FAKULTI**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memberi kelulusan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk melaksanakan pengakreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan penganugerahan kredit [APEL (C)] berkuatkuasa pada 30 Jun 2020 dan kelulusan MQA ini telah dimaklumkan kepada mesyuarat Senat ke-467 bertarikh 15 Julai 2020. Mesyuarat Senat Bil. 469 bertarikh 23 September 2020 telah meluluskan pindaan Garis Panduan Pelaksanaan APEL (C): Pindah Kredit Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk pelaksanaan di peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan pemindahan kredit melalui APEL (C) dilaksanakan, Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) memohon kerjasama Fakulti mengemukakan senarai kursus yang akan ditawarkan bagi tujuan pemindahan kredit melalui APEL (C) dan maklumat lengkap ahli jawatankuasa yang terlibat seperti pada borang dilampirkan. Lantikan hendaklah dibuat di peringkat Fakulti dan surat lantikan perlu disalinkan kepada Unit APEL (C), Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM). Turut dilampirkan adalah terma rujukan bagi setiap jawatankuasa sebagai panduan dan rujukan.

4. Selaras dengan itu, bagi memastikan proses pemindahan kredit melalui APEL (C) mematuhi ketetapan MQA, Penasihat APEL (C), Ahli Jawatankuasa Penilai APEL (C) dan Ahli Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL (C) yang dilantik oleh Fakulti wajib menghadiri latihan pengurusan APEL (C) dianjurkan oleh Unit APEL (C) dan Profesional UKM. Tarikh kursus akan dimaklumkan kemudian.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

5. Kerjasama pihak YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan borang yang lengkap kepada **Encik Muhamad Izham Azmil (muhamadzham@ukm.edu.my)** selewat-lewatnya pada **14 Februari 2021**.

Kerjasama pihak Fakulti/Pusat bagi memastikan urusan ini akan berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

berlampir

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my